

TEKS UCAPAN PENOLONG KANAN 1
(mewakili guru-guru SMK Seri Hartamas)

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Diraikan, Yang Berbahagia Datin Zarina Binti Abdul Rahman,
Pengetua SMK Seri Hartamas Kuala Lumpur,

Yang Berusaha, Puan Chempaka Emalin Bin Datuk Pahamin
YDP PIBG SMK Seri Hartamas.

Yang Berusaha, Puan Tan Pick Sia, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SMK Seri Hartamas,

Yang Berusaha, Puan Ng Mei Chin, Penolong Kanan Kokurikulum, SMK Seri Hartamas,

Yang Berusaha, Barisan Guru-guru Kanan Mata pelajaran,

Ahli-ahli Jawatan Kuasa PIBG SMK Seri Hartamas,

Guru-guru SMK Seri Hartamas, serta anak-anak pelajar yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Yang Maha Esa, Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini untuk meraikan majlis persaraan pengetua yang kita kasihi Yang Berbahagia Datin Zarina Binti Abdul Rahman. Semoga majlis yang bermakna ini akan menjadi memori di hati kita warga SMK Seri Hartamas.

Hadirin yang dimulikan,

Terlebih dahulu, saya mewakili warga sekolah ini terutama para pendidik, merakamkan rasa terharu dan sudah pasti untaian kata-kata yang akan saya lontarkan nanti akan meruntun jiwa kita semua kerana perpisahan ini. Suasana seakan redup seketika dan keindahannya tiba-tiba terasa suram apabila nanti pengetua kita Yang Berbahagia Datin berlalu meninggalkan sekolah ini. Walaupun hati masih lara dan seolah-olah tidak mengizinkan, tetapi kami semua reda dengan persaraan Yang Berbahagia Datin. Persaraan ini merupakan detik paling bahagia untuk Yang Berbahagia Datin setelah berjuang pahit, manis dalam dunia pendidikan.

Hadirian yang dirahmati,

Kami percaya, walaupun amat berat dan menyedihkan dan bukan sedikit air mata yang akan tumpah tetapi perpisahan sebenarnya mengajar kita erti keikhlasan dan kedewasaan dalam kehidupan. Justeru, kita pasti akan mengenang kembali saat-saat ketika bersama dan tetap akan menjadi satu memoir yang tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Begitu juga halnya dengan keberadaan kita bersama-sama Yang Berbahagia Datin, semuanya akan terhimpun menjadi sejarah dan terukir jitu dalam sanubari semua Warga SMK Seri Hartamas.

Hadirin yang dikasihi,

Hari ini, kita semua akan merasa terharu kerana persaraan Yang Berbahagia Datin yang kita sanjungi dan cintai. Yang Berbahagia datin bukan sahaja pegetua, tetapi pemimpin dalam keluarga besar SMK Seri Hartamas, malah yang Berbahagia Datin juga ialah ibu yang menjadi tonggak menerajui kita semua ke arah kecemerlangan. Masa terlalu pantas berlari. Tidak terasa kita sudah 4 tahun bersama Yang Berbahagia Datin, menabur jasa dan bakti di sekolah ini. Kadang kala akibat

kesibukan dengan tugas seharian dan pelbagai komitmen yang kita tempuhi, menyebabkan kita tidak terasa dan tidak terperasan begitu pantas juga tempoh perkhidmatan Yang Berbahagia Datin sebagai pengetua telah berakhir. Sesungguhnya berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Begitulah yang kita rasai sekarang ini. Berat sungguh bagi kami semua untuk melepaskan Yang Berbahagia Datin.

Anak ikan berlima-lima
Mati ditimpa punggur berdaun
Kasihnya Datin kami terima
Sebagai hutang seribu tahun

Hadirin yang dimuliakan,

Peribadi yang lembut, tenang dan penuh pengertian menjadi sanjungan. Itulah Frasa yang tepat bagi menggambarkan keperibadian Yang Berbahagia Datin. Datin Zarina Binti Abd Rahman telah menjawat jawatan sebagai pengetua di sekolah ini selama 4 tahun. Perwatakan Yang Berbahagia Datin sentiasa memahami, memuliakan tetamu, ramah dan sentiasa menyanjung kami yang berkhidmat di bawah seliaan beliau mengingatkan saya pada bait kata-kata "to handle yourself, use your head, to handle others, use your heart (Untuk mengawal diri kita gunakanlah kebijaksanaan minda kita, manakala untuk mengawal orang lain gunakanlah kebijaksanaan menawan hati mereka) Perwatakan mithali inilah yang menyebabkan Yang Berbahagia Datin sentiasa mendapat tempat utama di hati semua Warga SMK Seri Hartamas.

Hadirin yang dikasihi,

Sepanjang tempoh perkhidmatan Yang Berbahagia Datin di sekolah ini, beliau telah banyak menyumbangkan jasa terhadap kemajuan, perkembangan dan pembangunan sekolah, sama ada dari segi akademik, kokurikulum, keceriaan dan pembinaan modal insan. Yang Berbahagia Datin seorang yang mementingkan pendidikan dan sentiasa memikirkan hala tuju sekolah ini. Dengan berbekalkan ilmu yang ada Yang Berbahagia Datin tidak lokek dengan ilmu pengetahuan, malah segala pendapat dan pandangan kami sentiasa akan diperhalusi dan diterima dengan hati yang terbuka. Jalan penyelesaian sentiasa ada terhadap masalah yang kami hadapi di sekolah ini. Yang Berbahagia Datin juga sentiasa membentuk elemen keceriaan dan sentiasa memastikan prasarana di sekolah ini lengkap supaya pdpc berjalan lancar. Contohnya kelengkapan dewan tertutup, dewan kuliah yang kondusif, bilik peperiksaan, perpustakaan dan lain-lain. Peristiwa getir apabila pejabat sekolah kita mengalami kebakaran pada tahun 2015 dan Yang Berbahagia Datin dengan segera berusaha untuk mendapatkan dana bagi membaik pulih semula kelengkapan pejabat sekolah agar pentadbiran sekolah berjalan lancar.

Hadirin yang dirahmati,

Sekolah ini amat bertuah atas kepimpinan Yang Berbahagia Datin. Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. Selama menerajui sekolah ini Yang Berbahagia Datin, bolehlah saya simpulkan sebagai tokoh yang sangat berwibawa dalam kepimpinan. Kami sebagai warga SMK Seri Hartamas amat berbangga menerima kepimpinan beliau. Walaupun Yang Berbahagia Datin akan bersara tetapi ketokohan, kecemerlangan dan dedikasi beliau telah memberi suntikan semangat kepada kami dalam meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Yang Berbahagia Datin juga sangat mesra dan mengambil berat akan kebajikan para pelajar. Sikap dedikasi, berpegang teguh kepada prinsip dan tugas menjadikan Yang Berbahagia Datin seorang idola kepada kami semua.

Burung kedidi di sambar helang
Bawa naik ke pohon tinggi
Budi Datin mana nak hilang
Sudah mesra di dalam hati

Hadirin yang dimuliakan,

Yang Berbahagia Datin juga merupakan pengetua yang begitu "down to earth" dan sangat memahami. Sikap Yang Berbahagia Datin yang boleh dibawa berbincang, easy going dan sentiasa berusaha mempermudah urusan serta tidak menyusahkan orang yang menghadapi masalah dan kesusahan terutama guru-guru yang berhadapan dengan masalah peribadi seperti terpaksa bercuti sakit, urusan kesihatan diri dan anak dan lain-lain serta juga masalah-masalah pelajar dapat ditangani dengan sempurna adalah kualiti yang perlu dicontohi dan diteladani oleh kita semua. Teringat saya kata-kata bijak pandai "Jadilah pemimpin yang dihormati bukan ditakuti". Kerja-kerja menjadi ikhlas dan ketenangan bekerja menjadi asas kepada kecemerlangan. Kini warga SMK Seri Hartamas kehilangan pengetua yang berwibawa dan berkarisma. Kehilangan ini pasti akan dirasai, Patah tumbuh hilang berganti, namun yang hilang akan tetap abadi dalam memori dan yang tumbuh mengantikannya pula diharapkan dapat meneruskan legasi SMK Seri Hartamas. InsyaAllah.

Hadirin yang berbahagia,

Kita semua pastinya nanti akan merindui gelak tawa dan senyuman manis Yang Berbahagia Datin selepas ini di sekolah. "Memories last forever, never do they die, friends stay together, never say goodbye. Semoga hubungan silaturahim ini akan berkekalan sepanjang zaman. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua warga SMK seri Hartamas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Datin atas sumbangan dan komitmen sepanjang tempoh perkhidmatan di sekolah ini. Kami berdoa semoga Allah SWT akan melimpahkan rahmatNya dan peliharaannya kepada Yang Berbahagia Datin, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan dipermudahkan segala urusan pada setiap masa. Semoga Allah menganjari kebaikan atas usaha murni yang telah Yang Berbahagia Datin sumbangkan. Sabda Rasulullah "Barangsiapa menunjukkan seseorang kepada kebaikan, maka dia dapat ganjaran sebagaimana ganjaran orang-orang yang melakukannya" (Riwayat Muslim)

Untuk yang terakhir kalinya, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya membacakan sebuah gurindam yang saya petik daripada Gurindam 12 Fasal kelima Karya Raja Ali Haji yang menggambarkan keperibadian datin. Nasihat Yang Berbahagia Datin akan sentiasa tersemam dalam hati-hati kami seperti gurindam ini.

Jika hendak mengenal orang berbangsa
Lihatlah kepada budi dan bahasa

Jika hendak mengenal orang yang berbahagia
Sangat memelihara yang sia-sia

Jika hendak mengenal orang mulia
Lihatlah kepada kelakuan dia

Jika hendak mengenal orang berilmu
Bertanya dan belajar tiadalah jemu

Jika hendak mengenal orang yang berakal
Di dalam dunia mengambil bekal

Jika hendak mengenal orang yang baik perangai
Lihatlah pada ketika bercampur dengan orang ramai

Selamat Bersara Datin Daripada Kami semua Warga SMK Seri Hartamas

Sekian terima kasih

Wabilhitaufik Walhidayah Wasalamualikum Warah Matullah Hiwa Barakatuh.